

# UTHM nafi R&D 'syok sendiri'

Penyelidikan lebih cenderung kajian ilmiah berbanding mengeluarkan produk komersial

S/Harian  
16/10/2014  
m/s: 41



Ayob (kiri) menafikan kenyataan dalam sebuah akhbar tempatan berkaitan R&D universiti 'syok sendiri' sambil diperhatikan Penyelidik Kanan UTHM, Prof D C Wijeyesekera

**BATU PAHAT** – Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) menafikan dakwaan Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) di universitinya 'syok sendiri' seperti didakwa sebuah akhbar tempatan, kelmarin.

UTHM juga menjelaskan R&D di sesebuah universiti lebih kepada aktiviti atau kajian ilmiah, tidak seperti R&D dilakukan syarikat komersial yang lebih kepada produk digunakan pelanggan.

Dekan Pusat Inovasi, Pengkomersilan dan Perundingan (ICC) UTHM, Profesor Ayob Johari berkata, R&D adalah sub-komponen pembelajaran dan pengajaran (P&P).

Katanya, R&D merupakan aktiviti yang merangkumi kerja-kerja kreatif yang dijalankan secara sistematik bagi meningkatkan khazanah pengetahuan bermanfaat untuk mereka

atau mencipta aplikasi baru.

"Dalam konteks universiti, ia meliputi aktiviti atau kajian ilmiah yang menjurus kepada penemuan baru dalam pelbagai sudut seperti proses, kaedah, dapatan baru, formulasi, algoritma dan banyak lagi.

"Hakikatnya, penyelidikan di universiti sebahagian besarnya bersifat 'fundamental', bukan menjurus kepada penghasilan produk 'tangible' dan boleh dipasarkan dengan mudah semata-mata," katanya dalam sidang media di UTHM, semalam.

Menurut Ayob lagi, sumber pembiayaan aktiviti R&D diperoleh daripada geran kerajaan antaranya seperti Kementerian Pendidikan Malaysia, MOSTI dan geran swasta.

Katanya, hasil utama R&D adalah melahirkan sumber manusia dalam pelbagai bidang ilmu, penerbitan jurnal berimpak, sitasi (citation), buku,

kertas persidangan, pengembangan ilmu, IP (Intellectual Property), melahirkan dan menambah bilangan graduan pascajianazah (postgraduate).

"Pengkomersilan merupakan subset hasil utama tersebut. Peruntukan kerajaan untuk aktiviti R&D pada dasarnya bagi memastikan hasil utama tersebut tercapai.

"Ia adalah antara kriteria diperlukan dalam menentukan kedudukan dan pencapaian sesebuah universiti. Dalam erti kata lain, hasil utama inilah yang lebih bernilai berbanding pengkomersilan," katanya.

Katanya lagi, tiada istilah "syok sendiri" dalam penyelidikan kepada mana-mana penyelidik.

"Setiap penyelidikan dijalankan ada matlamat dan hasil yang dijana. Setiap hasil penyelidikan walau dalam bentuk apa sekali pun mempunyai nilai dan manfaat," katanya.